

2011-2020

BAB 6

Memperkuat Industri Sayur-sayuran dan Buah-buahan serta Memulihkan Industri Kelapa

Bab 6: Memperkukuhkan Industri Sayur-Sayuran dan Buah Buahan Serta Memulihkan Industri Kelapa


SAYUR-SAYURAN

Kesedaran pengguna yang semakin meningkat terhadap aspek penjagaan kesihatan dijangka akan membuka peluang kepada peningkatan pengeluaran sayur-sayuran dan pembangunan produk berasaskan sayur yang diproses secara minimum termasuk jus sayuran, makanan fungsian, sayur sejuk beku, sayur berserat tinggi dan sayur jeruk. Cabaran industri sayur-sayuran negara ialah pengeluaran yang masih belum dapat memenuhi permintaan dalam negara, berskala kecil, kos pengeluaran yang tinggi dan persaingan dengan negara pengeluar sayur-sayuran berkos rendah seperti Thailand dan China. Transformasi industri sayur-sayuran ke arah industri yang berdaya saing dan mampan akan ditumpukan kepada peningkatan produktiviti, perluasan kawasan penanaman secara komersial, pengurangan kerosakan lepas tuai serta pengukuhan pemasaran.

PROSPEK INDUSTRI SAYUR-SAYURAN, 2011-2020

Permintaan terhadap sayur-sayuran tempatan dijangka meningkat daripada 1.6 juta tan metrik pada 2010 kepada 2.4 juta tan metrik pada 2020 dengan pertumbuhan sebanyak 4.5% setahun. Selaras dengan trend di negara maju, penggunaan per kapita sayur-sayuran dijangka bertumbuh sebanyak 2.6% setahun iaitu daripada 55 kilogram kepada 70 kilogram setahun dalam tempoh yang sama.

Pengeluaran sayur-sayuran pula dijangka meningkat daripada 0.7 juta tan metrik kepada 1.7 juta tan metrik dengan kadar pertumbuhan sebanyak 9.8% setahun. Jangkaan peningkatan pengeluaran ini disebabkan oleh peningkatan produktiviti dan perluasan kawasan baru untuk tanaman sayur-sayuran seperti sawi, bayam, timun, kangkung, terung, kacang panjang dan bendi (*Carta 6-1*).



Eksport sayur-sayuran ke pasaran tradisional seperti Singapura dijangka terus kukuh manakala negara Timur Tengah berpotensi untuk diterokai sebagai pasaran eksport baru. Eksport sayur-sayuran dijangka meningkat daripada 440 ribu tan metrik pada tahun 2010 kepada 710 ribu tan metrik pada tahun 2020, iaitu dengan kadar pertumbuhan tahunan 5.0%.

STRATEGI INDUSTRI SAYUR-SAYURAN, 2011-2020

Pengeluaran sayur-sayuran negara akan dipertingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap sayur-sayuran import melalui strategi yang berikut:

- meningkatkan produktiviti dan peluasan kawasan pengeluaran sayur-sayuran;

- menambah baik kaedah lepas tuai dan kemudahan logistik pemasaran; dan
- memperkuhkan pasaran sayur-sayuran organik.

Meningkatkan Produktiviti dan Peluasan Kawasan Pengeluaran Sayur-Sayuran

Pengeluaran sayur-sayuran akan dipertingkatkan melalui peningkatan produktiviti kawasan sedia ada dan peluasan kawasan yang masing-masing dijangka menyumbang 84% dan 16% daripada jumlah peningkatan pengeluaran sebanyak 1.0 juta tan metrik. Peningkatan produktiviti akan dilaksanakan melalui peningkatan intensiti tanaman daripada 1.8 pusingan pada tahun 2010 kepada 2.5 pusingan pada tahun 2020.

Amalan pertanian baik dan kaedah penanaman moden seperti fertigasi, pertanian tepat dan rumah pelindung hujan dijangka meningkatkan produktiviti daripada 12.9 tan metrik kepada 16.8 tan metrik sehektar.

Usaha untuk menggalakkan peluasan kawasan fizikal dijangka akan meningkatkan kawasan bertanam daripada 30 ribu hektar kepada 38 ribu hektar dengan kadar pertumbuhan 2.5% setahun. Tambahan kawasan baru mengikut jenis sayur-sayuran adalah seperti di *Jadual 6-1*.

Jadual 6-1: Tambahan Kawasan Baru Sayur-sayuran Mengikut Jenis, 2011-2020 (Hektar)

JENIS SAYUR	TAMBAHAN KAWASAN BARU (HA)
Jagung	1,000
Timun	900
Kacang Panjang	800
Terung	800
Bendi	700
Cili	700
Petola	400
Tomato	400
Halia	300
Kacang Buncis	300
Kubis Bulat	300
Sawi	300
Ubi Kayu	300
Ubi Keledek	300
Bayam	200
Labu Manis	200
Peria	200
Cendawan	90
Kangkung	50
Kailan	30
Salad	30
Jumlah Tambahan Kawasan Bertanam	8,300

Sumber : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Strategi untuk meningkatkan pembukaan kawasan baru seluas 8 ribu hektar akan dilaksanakan seperti yang berikut:

- membangunkan kawasan baru melalui TKPM, Projek Tanah Terbiar dan Projek Kelompok serta menggalakkan perladangan organik sayuran dan ladang swasta berskala komersial;
- menggalakkan tanaman integrasi sayur-sayuran dengan tanaman getah dan kelapa sawit di ladang RISDA, FELDA dan FELCRA; dan
- membangunkan kawasan luar jelapang padi untuk tanaman sayur-sayuran.

Pembukaan kawasan baru tersebut akan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian, pihak swasta dan GLCs (*Jadual 6-2*).

Jadual 6-2 : Pembukaan Kawasan Baru Sayur-sayuran, 2011-2020 (Hektar)

BIL	PELAKSANA	HEKTAR
1	Jabatan Pertanian	
	a. Taman Kekal Pengeluaran Makanan	650
	b. Projek Tanah Terbiar dan Kelompok (ACDA)	70
	c. Sayur Komersial	220
2	Sarawak	350
3	Sabah	260
4	Swasta /estet	5,650
5	Agensi-agensi lain	1,100
	JUMLAH	8,300

Sumber : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Menambah Baik Kaedah Lepas Tuai dan Kemudahan Logistik Pemasaran

Usaha akan diambil untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkenaan aspek pengendalian lepas tuai, pembungkusan dan penyimpanan sayur-sayuran bagi memastikan kualiti sayur-sayuran terpelihara dan mengurangkan kerosakan lepas tuai. Pematuhan kepada Peraturan 3P di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 2008 akan diperluas bagi memastikan jaminan kualiti terhadap sayur-sayuran tempatan dan import. Kemudahan di pusat pengumpulan, pengedaran dan pengedaran akan digunakan sepenuhnya dan secara meluas bagi memperkukuh pemasaran sayur-sayuran segar. Pemasaran sayur-sayuran secara ladang kontrak akan dipergiat dengan mengenal pasti syarikat peneraju dalam usaha untuk memastikan petani memperoleh harga premium dan pasaran terjamin.

Memperkukuh Pasaran Sayur-sayuran Organik

Kesedaran terhadap sayur-sayuran yang bebas daripada bahan kimia dan selamat dijangka meningkatkan permintaan bagi sayur-sayuran organik termasuk ulam-ulaman dalam kalangan pengguna. Usaha akan diperhebat untuk menggalakkan pengeluaran sayur-sayuran organik dengan harga premium melalui penambahan kawasan tumpuan untuk perladangan organik dan perluasan pelaksanaan persijilan Skim Organik Malaysia (SOM).

BUAH-BUAHAN


Industri buah-buahan tempatan mempunyai potensi untuk dikembangkan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap buah-buahan segar dan eksotik. Potensi industri ini perlu dikembangkan secara komersial dan teratur bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan pengusaha tani. Penggunaan buah-buahan tempatan untuk tujuan pemprosesan juga perlu dipertingkatkan bagi mengatasi lambakan buah-buahan tempatan dan menjamin harga yang stabil.

PROSPEK INDUSTRI BUAH-BUAHAN, 2011-2020

Permintaan terhadap buah-buahan tropika segar dan diproses seperti sejuk beku, jus, makanan fungsian dan berserat tinggi yang dijangka meningkat akan memberi peluang kepada peluasan aktiviti pemprosesan produk buah-buahan tropika. Permintaan buah-buahan tempatan dijangka akan meningkat daripada 2.7 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 3.4 juta tan metrik pada tahun 2020 dengan pertumbuhan sebanyak 2.3% setahun.

Pengeluaran buah-buahan pula dijangka meningkat daripada 1.8 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.6 juta tan metrik pada tahun 2020 dengan kadar pertumbuhan tahunan 3.8% (*Carta 6-2*). Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan produktiviti dan pengeluaran nanas, pisang, tembikai, durian dan betik selaras dengan peningkatan permintaan.

Carta 6-2: Pencapaian dan Unjuran Pengeluaran Buah-buahan Mengikut Jenis, 2000-2020 (Juta Tan Metrik)



Pasaran eksport buah-buahan terutama belimbing, betik, nanas, tembikai, pisang dan nangka berpotensi untuk dikembangkan ke pasaran baru seperti China dan Timur Tengah di samping meningkatkan syer pasaran sedia ada di Singapura, Hong Kong, Indonesia dan Belanda. Eksport buah-buahan dijangka meningkat daripada 830 ribu tan metrik pada tahun 2010 kepada 1.04 juta tan metrik pada tahun 2020.

STRATEGI INDUSTRI BUAH-BUAHAN, 2011-2020

Potensi industri buah-buahan akan dikembangkan dengan menumpukan kepada pelaksanaan strategi yang berikut:

- meningkatkan pengeluaran buah-buahan secara komersial terutama buah-buahan untuk eksport;

- mempertingkatkan kawalan penyakit buah-buahan;
- mengeksplorasi potensi buah-buahan nadir; dan
- memperkukuh jaringan pemasaran buah-buahan.

Meningkatkan Pengeluaran Buah-Buahan Secara Komersial Terutama Buah-buahan untuk Eksport

Pengeluaran buah-buahan dijangka meningkat selaras dengan peningkatan produktiviti kawasan berhasil daripada 9.6 tan metrik sehektar pada tahun 2010 kepada 12.9 tan metrik sehektar pada tahun 2020 serta peluasan kawasan bagi tanaman buah-buahan secara komersial. Kawasan baru seluas 23 ribu hektar akan dibangunkan dan diusahakan oleh pihak swasta bagi memenuhi permintaan pasaran eksport buah-buahan yang semakin meningkat terutama belimbing, betik, nanas dan rambutan (*Jadual 6-3*). Kawasan ini akan disediakan dengan infrastruktur asas dan dibangunkan melalui konsep ladang kontrak. Lebih banyak kawasan TKPM baru dan kawasan di luar jelapang padi akan dibangunkan khusus untuk tanaman buah-buahan berdasarkan kesesuaian tanah dan agro-iklim bagi mengekalkan keluasan tanaman buah-buahan yang sedia ada serta meningkatkan pengeluaran.

Jadual 6-3: Penggunaan Tanah Bagi Tanaman Buah-Buahan, 2011-2020 (Hektar)

JENIS BUAH	TAMBAHAN KAWASAN BARU (HA)	JENIS BUAH	PENGURANGAN KAWASAN (HA)
Nanas	7,120	Durian	16,960
Rambutan	5,300	Duku langsung	6,280
Nangka/ Cempedak	4,630	Dokong	5,120
Betik	1,460	Langsat	2,000
Manggis	1,190	Limau manis	430
Limau Besar	1,060		
Pisang	760		
Belimbing	470		
Ciku	440		
Jambu Batu	310		
Mangga	270		
Duku	160		
JUMLAH KELUASAN	23,170		30,790

Pengeluaran buah-buahan utama untuk eksport seperti nanas, belimbing, tembikai, betik, pisang, mangga, nangka, jambu batu, durian, rambutan dan manggis akan dipertingkatkan melalui usaha yang berikut:

- mempergiat pembangunan varieti dan klon buah-buahan yang menepati kehendak pasaran global;
- mengambil peluang pasaran eksport daripada perbezaan musim pengeluaran dengan negara pesaing; dan
- menjamin kualiti buah-buahan segar yang dieksport melalui kaedah teknologi pemprosesan minimum, sejuk beku dan pembungkusan persekitaran terubah (*modified atmosphere packaging*).

Mempertingkatkan Kawalan Penyakit Buah-Buahan

Usaha yang berikut akan dilaksanakan untuk mengawal penyakit buah-buahan supaya pengeluaran dapat ditingkatkan dan kualiti terjamin:

- memberi fokus kepada usaha R&D bagi mengatasi masalah serangga perosak terutama lalat buah dan penyakit utama seperti penyakit mati rosot (*dieback*) betik, nangka dan buah naga, penyakit layu *usarium* dan layu bakteria pada tanaman pisang serta masalah *itrus reeini* pada limau;
- membangunkan varieti buah-buahan yang berhasil tinggi dan rintang kepada penyakit melalui penyelidikan khususnya bagi buah-buahan seperti betik dan pisang;

- mempertingkatkan usaha untuk menghasilkan biji benih dan bahan tanaman yang bermutu melalui biak bakaan; dan
- mempergiat amalan pengurusan perosak bersepadu dan memperketat sistem biosekuriti bagi mengawal penularan penyakit.

Mengeksploitasi Potensi Buah-buahan Nadir

Potensi buah-buahan nadir yang kurang mendapat perhatian seperti buah salak, buah nona dan buah cermai akan dikembangkan bagi mengeksploitasi kelebihanannya melalui usaha yang berikut:

- mempergiat aktiviti R&D di MARDI bagi membangunkan varieti baru dan menambah baik ciri varieti sedia ada termasuk meningkatkan rintangan terhadap penyakit berasaskan kepada kumpulan germaplasma buah-buahan bukan utama dan buah nadir yang disimpan;
- mempergiat pemuliharaan buah-buahan nadir secara *in-situ* dan *ex-situ*; dan
- memantapkan penggunaan aspek kefungsiannya buah-buahan nadir melalui kajian etnobotani dan biokimia.

Memperkuh Jaringan Pemasaran Buah-buahan

Majlis Buah-Buahan Nasional akan ditubuhkan untuk menyelaras pengeluaran di kluster buah-buahan serta aktiviti pemasaran dan promosi di pasaran tempatan dan eksport. Majlis akan bertindak dalam mengawal kemasukan buah-buahan dari luar negara bagi mengelakkan lambakan dan menjamin harga yang stabil serta memberi tumpuan kepada aspek kawalan penyakit dan keselamatan makanan.


KELAPA

Industri kelapa merupakan aktiviti ekonomi penting kepada lebih kurang 80 ribu keluarga tani. Pada masa ini, sebanyak 98% kawasan adalah hak milik pekebun kecil, manakala 2% dimiliki oleh estet. Kawasan penanaman kelapa menunjukkan trend yang menurun berikutan penukaran kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan, produktiviti yang rendah, harga ladang yang rendah serta kos pengeluaran yang tinggi. Industri kelapa berpotensi untuk dimajukan melalui penanaman semula dengan varieti kelapa berhasil tinggi, mengusahakan tanaman kelapa secara integrasi serta mempergiat aktiviti pemprosesan hiliran dengan membangunkan produk baru bernilai tinggi.

PROSPEK INDUSTRI KELAPA, 2011-2020

Industri kelapa mempunyai prospek yang cerah berdasarkan peningkatan permintaan terhadap pelbagai produk hiliran. Ini termasuk kelapa parut, kelapa parut kering, minyak kelapa, kerisik, santan, *nata de o o*, jeli dan serbuk santan. Selain itu, permintaan yang meningkat terhadap produk bernilai tinggi seperti minyak kelapa dara dan produk daripada bahan sampingan kelapa memberi peluang kepada pengusaha kelapa untuk meningkatkan pendapatan.

Pengeluaran kelapa dijangka meningkat daripada 530 ribu tan metrik (530 juta biji) pada tahun 2010 kepada 1.2 juta tan metrik (1.2 billion biji) pada tahun 2020 dengan pertumbuhan sebanyak 8.7% setahun bagi memenuhi permintaan tempatan yang tinggi (*Carta 6-3*). Peningkatan pengeluaran akan dicapai melalui peningkatan produktiviti daripada 4.8 tan metrik sehektar kepada 15.1 tan metrik sehektar.



Sumber : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

STRATEGI INDUSTRI KELAPA, 2011-2020

Strategi yang telah dikenal pasti untuk memulihkan industri kelapa adalah seperti yang berikut:

- mempergiat penanaman semula dan pemulihan kawasan; dan
- mempergiat program integrasi kawasan kelapa.

Mempergiat Penanaman Semula dan Pemulihan Kawasan

Kawasan kelapa tua dan tidak ekonomik akan ditanam semula dengan varieti hibrid berhasil tinggi seperti kelapa Matag yang berupaya menghasilkan antara 25 ribu hingga 30 ribu biji kelapa sehektar setahun. Kawasan kelapa seluas 16 ribu hektar akan ditanam semula dengan kelapa Matag dan kawasan seluas 2 ribu hektar dengan kelapa Pandan. Selain itu, kawasan sedia ada seluas 31 ribu hektar yang masih produktif akan dipulihkan melalui program pemulihan seperti pembajaan, pembaikan saluran dan pengurusan serangga perosak secara bersepadu bagi meningkatkan produktiviti.

Mempergiat Program Integrasi Kawasan Kelapa

Tanaman kelapa secara integrasi dengan tanaman lain seperti koko, kopi, herba, pisang dan nanas akan digalakkan bagi meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil kelapa. Galakan akan disediakan dalam bentuk bekalan input pertanian dan insentif bantuan tanam semula kepada pekebun kecil yang mengintegrasikan tanaman kelapa dengan tanaman lain. Kawasan seluas 20 ribu hektar akan diusahakan secara integrasi.